

**TEKS UCAPAN**  
**YBRS. PROFESOR Ts. Dr. MASSILA BINTI KAMALRUDIN**  
**NAIB CANSELOR UTeM**

---

**MAJLIS IFTAR CANSELORI 2023 (UTeM)**

31 Mac 2023, Masjid Sayyidina Abu Bakar, 7.00 petang

اویورسیتی تکنیکال ملaysia ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## **SALUTASI**

-Seperti di lampiran

1. Alhamdullillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan kehadrat Allah Subbahanahu Wata'ala, di atas segala rahmat dan kurniaan dariNya, kita dapat berhimpun dan bertemu pada hari ini di Majlis Iftar Canselori 2023.
  
2. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Pengarah Pusat Islam serta seluruh staf Pusat Islam atas usaha dan kesungguhan merancang dan menyelaras majlis iftar pada tahun ini secara keseluruhannya yang bukan sahaja melibatkan Pejabat Canselori, tetapi pelbagai Pusat

Tanggungjawab. Alhamdulillah hari ini merupakan giliran Pejabat Canselor dan saya amat gembira kerana dapat bersama-sama dengan staf-staf dan juga pelajar-pelajar UTeM di majlis pada hari ini.

Warga UTeM yang saya kasihi sekalian,

3. Majlis Iftar yang saban tahun dianjurkan ini bertujuan untuk meraikan bulan Ramadhan Al-Mubarak yang mulia di samping mengeratkan perhubungan silaturahim antara sesama kita sebagai umat Islam, selain memberi peluang kepada warga universiti untuk berhimpun, berbuka bersama

seterusnya beribadah secara berjemaah di dalam masjid yang serba suci dan indah ini.

4. Alhamdulillah pada tahun ini Penggiliran Majlis Iftar di UTeM dapat dijalankan secara besar-besaran setelah 3 tahun kita menjalankannya secara kecil-kecilan kerana kerisauan akan penularan Wabak COVID-19. Majlis penyediaan juadah berbuka puasa dapat dilakukan bersama-sama di kalangan staf secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan silaturahim sesama staf. Ini menjadikan ibadah puasa jadi lebih bermakna di kalangan staf mahupun pelajar UTeM.

5. Rasullah S.A.W telah menjelaskan tentang kelebihan Ramadan melalui sabdanya yang bermaksud:

*“Barang siapa yang berpuasa di bulan Ramadan dengan penuh keimanan dan berihritisab, maka akan diampunkan dosa-dosa yang telah lalu.” (riwayat Bukhari dan Muslim)*

6. Oleh yang demikian, setiap hari pada bulan Ramadan adalah peluang keemasan kepada sekalian umat Islam memperoleh kerahmatan yang dijanjikan oleh Allah S.W.T dalam bulan yang mulia ini.

Warga UTeM sekalian,

7. Bulan Ramadhan mengajar kita untuk sentiasa bersederhana dalam segala aspek. Antara tujuan utama kita berpuasa adalah sebagai satu peringatan terhadap mereka yang hidup dalam keadaan susah dan sentiasa berikat perut dalam memastikan kelangsungan hidup.
8. UTeM sentiasa mengambil berat akan keperluan mereka yang memerlukan. Oleh yang demikian, majlis iftar ini diadakan bagi memastikan seluruh warga UTeM dapat sama-sama berbuka puasa dengan juadah yang mencukupi. Saya

mengharapkan bahawa tiada staf mahupun pelajar yang berhitung duit untuk berbuka puasa.

9. Alhamdulillah hasil daripada usaha dari Pusat Islam serta warga UTeM, kita telah berjaya menerima tajaan dari individu mahupun korporat bagi menjayakan majlis iftar ini. Tajaan yang diterima semestinya untuk dikongsi bersama seluruh warga UTeM dalam meraikan bulan Ramadhan yang penuh Barakah ini. Walaubagaimanapun, saya mengharapkan usaha untuk memberi dan mencari sumbangan ini tidaklah dihentikan sebaliknya diteruskan untuk memastikan majlis

iftar secara penggiliran ini dapat terus dijalankan dan juadah yang disediakan adalah sentiasa mencukupi.

10. Sumbangan dan sedekah yang diberikan oleh anda semua adalah amat bermakna dan digandakan pahala terutama di bulan Ramadhan. Seperti yang diriwayatkan dalam Hadis Nasa ie dan Tirmidzi

*“Barangsiapa yang memberikan makanan berbuka kepada orang yang berpuasa, maka baginya pahala seperti orang yang berpuasa tersebut, tanpa mengurangi sedikit pun pahala orang yang berpuasa itu”*

11. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada UTeM Holdings Sdn. Bhd. kerana turut bersama-sama menaja juadah iftar pada hari ini.

12. Dan sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pusat Islam, Pejabat Canselori dan semua yang bersama-sama dalam menjayakan Majlis Iftar Canselori pada hari ini.

13. Sekian Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh.

